

179 projek yang dihasilkan penuntut, pensyarah diketengahkan dalam Citrex 2013

UMP pameran produk penyelidikan

Oleh SITI NORIZAT SHIKH
ABDUL JALIL
utusanktr@gmail.com

KUANTAN 2 April - Sebanyak 179 projek penyelidikan yang dihasilkan penuntut dan pensyarah Universiti Malaysia Pahang (UMP) dipertandingkan dalam Pameran Kreativiti, Inovasi, Teknologi dan Penyelidikan (Citrex) di Kompleks Sukan UMP baru-baru ini.

Pertandingan selama tiga hari anjuran Jabatan Penyelidikan dan Inovasi dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (Saffad) itu bertujuan memupuk kreativiti dan inovasi serta membudayakan penyelidikan yang mampu menyumbang kepada teknologi masa depan.

Dalam pertandingan itu, sebanyak 87 penuntut dan 92 kakitangan akademik mewakili lapan fakulti di UMP menampilkan hasil penyelidikan masing-masing yang dinilai berdasarkan kreativiti dan inovasi.

Naib Canselor UMP, Prof. Datuk Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata, program itu dapat dijadikan platform terbaik dalam menilai Kreativiti seseorang penyelidik dan keupayaan mahasiswa UMP untuk terus menyumbang terhadap pembangunan teknologi negara.

"Peningkatan penyertaan tahun ini iaitu daripada 130 kepada 179 projek membuktikan penyelidik UMP mempunyai semangat dan komitmen untuk menghasilkan produk yang berkualiti tinggi dan penyelidikan yang berinovasi bukan hanya untuk kepentingan universiti, tetapi juga untuk negara.

"Program ini juga berjaya menyahtu seruan kerajaan bertepatan dengan pengisytiharan 2013 sebagai Tahun Sains dan Inovasi," katanya



DAING Nasir Ibrahim (depan, dua dari kiri) bergambar bersama beberapa peserta Pameran Kreativiti, Inovasi, Teknologi dan Penyelidikan (Citrex 2013) di Kompleks Sukan Universiti Malaysia Pahang, Kuantan, baru-baru ini.

ketika berucap dalam Majlis Penutup dan Penyampaian Hadiah Citrex, di sini baru-baru ini.

Yang turut hadir, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Profesor Datuk Dr. Rosli Mohd. Yunus.

Tambahnya, kemampuan penyelidikan menghasilkan penemuan baru dan teknologi berteraskan pengetahuan dan penyelidikan itu bakal melonjakkan UMP ke persada anta-

rabangsa.

Sementara itu, Pengerusi Citrex, Prof. Madya Dr. Zularisam Abd. Wahid berkata, daripada jumlah yang dipertandingkan sebanyak 32 produk berjaya dianugerahkan pingat emas, 67 pingat perak dan selebihnya menerima pingat gangsa.

Majlis itu turut menyaksikan Profesor Madya Dr. Mimi Sakinah Abdul Munaim dari Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Sumber Asli (FKK-

SA) dinobatkan penerima Anugerah Terbaik Antara Terbaik bagi kategori kakitangan dengan penyelidikan produk pemais 'Xylito' daripada serbuk kayu menggunakan kaedah asid hidrolisis dan tindak balas enzim bagi mengelakkan karies dan mencegah kerosakan gigi.

Anugerah Terbaik Antara Terbaik bagi kategori penuntut dimenangi Siti Hawa Apanid dan Fakulti Sistem Komputer dan Kejuruteraan Peri-

UM (16/10) Petaw 3/4/13 ms26



Mimi Sakinah memenangi Anugerah Terbaik Antara Yang Terbaik dalam Majlis Penutup Penyampaian Hadiah sempena Citrex 2013 di Kompleks Sukan Universiti Malaysia Pahang, Kuantan, baru-baru ini.

sian (FSKKP) dengan tajuk *Smart Attendance*, perisian bagi membantu pihak sekolah memantau kehadiran pelajar di kelas dengan lebih berkesan.

Bagi Anugerah Khas (Teknologi Hijau), Mohd. Najib Razali dari FKKSA berjaya menambat hati juri de-

ngan projek yang dihasilkan bagi menyelesaikan masalah alam sekitar hasil daripada sisa industri dengan kos yang lebih rendah.

Lebih 500 pengunjung termasuk penuntut institusi pengajian tinggi (IPT) sekitar daerah ini menyaksikan pameran tersebut.